

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah peserta, tenaga kerja dan kos yang terlibat dalam program Sekolah Pemimpin Masa Depan Malaysia setakat ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) akan dilaksanakan sebanyak 15 Kohort bagi tahun 2019 bermula pada bulan April hingga bulan Disember 2019. Sehingga bulan September 2019, sebanyak 9 Kohort telah dilaksanakan dengan jumlah seramai 15,225 orang peserta telah menghadiri program ini di seluruh negara.
2. Pelaksanaan program MFLS melibatkan seramai 250 orang tenaga kerja. Jumlah ini merangkumi seramai 17 orang *Camp Leader*, 192 orang *trainers* dan 41 orang Setiausaha program.
3. Kos perbelanjaan program MFLS sehingga September 2019 adalah berjumlah RM30,393,000 meliputi bayaran gaji pegawai, penginapan, makan minum, dobi, pengangkutan, insurans, peralatan aktiviti *indoor* dan *outdoor*, promosi dan perbelanjaan lain yang perlu. Sekian, terima kasih.